



## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

#### **PTPTN PERKENAL KEMPEN LESTARI PENDIDIKAN : USAHA MEMBANTU PEMINJAM KE ARAH KELESTARIAN DANA PENDIDIKAN TINGGI NEGARA**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini melancarkan kempen **LESTARI Pendidikan**, satu inisiatif strategik untuk memastikan pendidikan tinggi kekal inklusif, mampan dan relevan bagi generasi akan datang. Kempen ini bertujuan memperkuatkan mesej penting tentang tanggungjawab sosial dan kewangan peminjam dalam menjamin kelestarian dana pendidikan negara.
2. Kempen ini mencerminkan komitmen PTPTN untuk menyokong visi kerajaan, termasuk konsep Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan, keadilan sosial dan kemampanan. Selari dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Dasar Pendidikan Tinggi Negara, PTPTN terus berusaha memastikan setiap individu tanpa mengira latar belakang, mendapat peluang melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi tanpa beban kewangan.
3. Penggerusi PTPTN, YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata, "Melalui **LESTARI Pendidikan**, PTPTN bukan sahaja memenuhi tanggungjawab sosialnya tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk modal insan negara. Pendidikan tinggi adalah pemangkin pembangunan masyarakat yang progresif dan kelestarian dana pendidikan adalah kunci kepada kejayaan ini."
4. "Mesej utama kempen ini adalah untuk memperkasakan rakyat melalui pendidikan tinggi di samping membantu peminjam menyelesaikan tanggungjawab membayar hutang PTPTN dengan lebih berkesan. Pendidikan tinggi ialah landasan untuk meningkatkan taraf hidup yang hanya dapat direalisasi jika dana pendidikan kekal mampan."
5. "Setiap pembayaran balik adalah pelaburan kepada masa depan pendidikan generasi akan datang. Dengan dana yang diterima melalui bayaran balik, PTPTN dapat terus menyokong 450,000 peminjam sedia ada dan 150,000 peminjam baharu setiap tahun, terutama dari kalangan keluarga berpendapatan rendah. Ini melibatkan jumlah yang besar iaitu lebih RM3 bilion setahun," tambah beliau.
6. Hingga September 2024, tunggakan pinjaman PTPTN adalah berjumlah RM11.32 bilion melibatkan lebih 1.25 juta peminjam culas. PTPTN telah mengambil pelbagai langkah termasuk penghantaran surat peringatan, notis tuntutan rasmi dan memperkenalkan pelbagai mekanisme seperti pelan pembayaran fleksibel iaitu penstrukturkan semula bayaran balik pinjaman.

## **Inisiatif dan Inovasi Menyokong Peminjam**

7. Menurut Dato' Seri Norliza, "Kempen LESTARI *Pendidikan* merangkumi inisiatif yang dirangka untuk meringankan beban peminjam iaitu **#PTPTNBolehBincang**. Peminjam boleh berbincang atau berunding untuk pelan pembayaran fleksibel iaitu penstrukturkan semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan kewangan mereka."

8. "Melalui kempen ini, PTPTN juga melaksanakan pendekatan proaktif iaitu inisiatif **#PTPTNSediaBantu** bagi memudahkan peminjam berurus dengan menyediakan pelbagai saluran bayaran balik yang lebih mudah, cepat dan selamat. Saluran tersebut disediakan untuk membantu dan memudahkan para peminjam yang mempunyai sebarang pertanyaan atau urusan berkaitan bayaran balik pinjaman," jelas beliau lagi.

9. Kempen ini turut menyeru masyarakat termasuk pihak berkepentingan seperti universiti, alumni dan NGO untuk bersama-sama menyokong usaha ini dan memainkan peranan sebagai rakan dalam menyampaikan mesej positif mengenai tanggungjawab sosial pembayaran balik pinjaman PTPTN.

## **Pendidikan Tinggi adalah Amanah Bersama**

10. Kempen ini menyeru peminjam untuk melihat pembayaran balik bukan hanya sebagai tanggungjawab individu tetapi juga tanggungjawab sosial yang memastikan peluang pendidikan kekal tersedia untuk generasi akan datang. PTPTN menekankan bahawa kegagalan membayar balik bukan sahaja menjaskan dana tetapi juga masa depan ribuan pelajar yang memerlukan.

11. "Melalui sokongan masyarakat dan tindakan kolektif, kita dapat memastikan sistem pendidikan tinggi terus kukuh dan inklusif selaras dengan aspirasi negara," kata Dato' Seri Norliza.

12. LESTARI *Pendidikan* bukan sekadar kempen tetapi simbol komitmen dan harapan untuk memastikan pendidikan tinggi kekal sebagai platform pemerkasaan dan pembangunan sosial. PTPTN mengajak semua pihak untuk berganding bahu dalam menyokong usaha ini demi masa depan yang lebih cerah untuk Malaysia.

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**23 Disember 2024**

*Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)*